

6



Keberangkatan KDYMM Tidak Berjadal Ke KHEU

20



Keluarga Bahagia Asas Pembangunan Negara



**BERITA UTAMA**

**KDYMM BERKENAN BERANGKAT MENGEPALAI PERARAKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL**

» 3

**مسلمين**  
**MUSLIMIN**

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiah

**SEPTEMBER**  
**2023 M**

Safar - Rabiulawal 1445H  
Tahun 35 • Bil 9

16

**INFO PENGISLAMAN**

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara Tahun 2023

Bagi Bulan  
**SEPTEMBER**

**21**

Orang

- 7 Perhimpunan Malam Munajat Ke-105 12
- 8 Perhimpunan Muallaf Senegara 13
- 9 Dikir Maulud Bergema Seluruh Negara 14
- 10 Doa Kesyukuran Sempena Hari Guru Ke-33 15
- 11 Penyampaian Penghargaan Kepada Wakil Qari Negara 19
- Munajat Khas Untuk Wanita: Hayati, Fahami Ayat Suci al-Qur'an 12
- Majlis Penutup Kursus Kepimpinan Belia Islam MABIMS 13
- Kebajikan Muallaf Terus Diberi Perhatian 14
- Menyebarkan Da'wah Islam Kepada Para Muallaf 15
- Graduan Akademi Da'wah 4.0 Diraikan 19



www.kheu.gov.bn



pdi@mora.gov.bn



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293

# رَبَّنَا Ya Tuhan Kami

Doa Rabbana Dalam Al-Qur'an

## DOA AGAR DIHINDARI DARI FITNAH

... رَبَّنَا اجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٨٥﴾

### MAFHUMNYA:

"...Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami sasaran fitnah bagi kaum yang zalim."

Surah Yuunuus, ayat 85

## Anggota Redaksi



**PENASIHAT:** Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, *Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, *Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENYELARAS:** Suriati binti Haji Ali Hussin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zeliha bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Azizah binti Hidup • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Hazey Suzainah binti Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zeliha bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

## Lidah Pengarang

# BANYAKKAN SELAWAT KE ATAS JUNJUNGAN KITA

Kita telah memasuki bulan Rabiulawal bulan ketiga daripada 12 bulan-bulan Islam. Bulan ini mempunyai kemuliaan dan keistimewaannya yang tersendiri terutamanya kelahiran Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, rasul terakhir yang diutuskan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk memimpin manusia meniti satu-satunya jalan kebenaran yang diredhai Allah iaitu Islam.

Sementara kita berada dalam bulan kelahiran Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, pastinya ia peluang untuk kita mengandakan rasa kasih dan cinta kepada Baginda Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* antaranya dengan cara memperbanyakkan berselawat ke atas Baginda.

Selawat juga merupakan doa dan permohonan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar Baginda ditempatkan di tempat yang tertinggi sepertimana yang telah dijanjikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Dengan berselawat juga, ia akan meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Semakin kita berselawat ke atas Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, maka semakin dekatlah kita dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Paling penting, dengan banyak berselawat, kita akan mendapatkan syafa'at dari Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Marilah kita terus menyemarakkan rasa cinta dan kasih kepada Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* melebihi kecintaan kita kepada dunia dan segala isinya.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah Aali-'Imraan ayat 31 yang mafhumnya:

**Katakanlah (wahai Nabi Muhammad!): "Jika kamu mengasihi Allah maka ikutlah aku, nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."**

## KDYMM BERKENAN BERANGKAT MENGEPALAI PERARAKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* Peringkat Negara.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Rabiulawal bersamaan 28 September** - Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah telah diadakan di semua keempat-empat daerah dan tumpuan utamanya di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara. Lebih 5,000 orang berhimpun bagi mengimarahkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang sememangnya disambut pada tanggal 12 Rabiulawal dalam kalendar taqvim hijrah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengepalai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan sambil berselawat ke atas Rasul Junjungan dalam sama-sama mendapatkan syafa'at dan pahala yang berlipat ganda.



**MAJLIS** dimeriahkan dengan persembahan Dikir Marhaban dan bacaan Saiyidul Istighfar yang dibawakan oleh gabungan para pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan KDYMM dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman. **ms. 4**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengepalari perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan.**

«3 Ms. Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga memimpin Doa Selamat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya antara lain menyembahkan bahawa sesungguhnya keberangkatan KDYMM ke majlis sambutan tersebut adalah dijunjung tinggi oleh para peserta perhimpunan seramai lima ribu orang dalam 87 buah pasukan yang mewakili kementerian-kementerian, institut-institut pengajian tinggi, maktab-maktab dan sekolah-sekolah menengah, masjid dan kampung, seterusnya pertubuhan awam dan sektor swasta.

“Mereka bersyukur dan merasa bahagia dapat menyertai perarakan yang akan Kebawah Duli Tuan Patik kepalai. Berapa pun jumlah hitungan penyertaan mereka namun ia adalah melambangkan sanjungan rakyat yang sentiasa taat setia mendukung kepimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Tuan Patik dalam suasana dan tarikh yang berkeberkatan bersempenakan Sambutan Mauludin Nabi Muhammad, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* Junjungan yang kita kasihi sambil mengambil hikmah dan pengajaran daripada kenabian serta kerasulan Baginda *Shallallahu 'alaihi wa sallam*”, jelas Yang Berhormat.

Majlis dimeriahkan dengan persembahan Dikir Marhaban dan bacaan Saiyidul Istighfar yang dibawakan oleh gabungan para

pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, dan sebaik sahaja sampai kepada ‘Ya Habibi’, tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Sebelum memulakan perarakan, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat mengepalari laungan bacaan selawat sebanyak tiga kali.

KDYMM berkenan mengepalari perarakan bersama 87 pasukan dalam lima kategori iaitu pasukan tidak bernombor; kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan; institusi pengajian tinggi, maktab, sekolah menengah, sekolah arab, sekolah menengah swasta; kampung-kampung dan masjid; dan persatuan serta sektor swasta di sepanjang 1.9 kilometer bermula dan berakhir di Padang Sir Muda Omar Ali Saifuddin dengan mengelilingi Jalan Sultan, Jalan Kianggeh, Jalan Tasek dan Jalan Bendahara.

Penyertaan sambutan kali ini juga menyaksikan Pasukan Orang Berkeperluan Khas dan juga masyarakat Islam dari luar negara yang berada di negara kita menandakan perpaduan yang akrab terjalin dan selaku umat Nabi Muhammad



**KDYMM berkenan bersalaman dengan para peserta perarakan.**



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengepalari perarakan bagi Daerah Tutong.**

*Shallallahu 'alaihi wa sallam* sewajarnya kita memanifestasikan rasa cinta dan kasih yang sepenuhnya kepada Rasulullah bagi memperoleh keberkatan dan redha Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta kejayaan di dunia dan di akhirat kelak.

Bagi peringkat Daerah Tutong, Majlis Perhimpunan tersebut diadakan di Kawasan Lapang berhadapan Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong bagi lelaki, manakala bagi wanita diadakan di dalam Dewan Seri Kenangan, kompleks berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perhimpunan Lelaki ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah manakala isteri Yang Berhormat Menteri JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Pengiran Datin Hajah Noor Yashimah binti Pengiran Anak Haji Hashim selaku tetamu kehormat pada Majlis Perhimpunan Wanita.



**PERARAKAN mengelilingi Pekan Belait sejauh 3.4 kilometer didahului oleh pasukan yang diketuai oleh tetamu khas dan Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan dan kemudiannya diikuti oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.**

Seramai 1,996 peserta menyertai perarakan yang terdiri daripada Pasukan Tetamu Khas dan Jawatankuasa, Pasukan Beruniform, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan, jemaah masjid, penuntut dan tenaga pengajar sekolah menengah dan ugama, Ahli-ahli Majlis



**MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin mengepalari perarakan mengelilingi Pekan Bangar.**

Perundingan Mukim dan Kampung dan penduduk-penduduk kampung, Persatuan-persatuan dan juga pihak swasta di daerah berkenaan.

Di Daerah Temburong pula, Perhimpunan dan Perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa*

*sallam* yang bertemakan ‘Sunnah Dihayati, Hidup Diberkati’ diadakan di Padang Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Perhimpunan dan perarakan disertai oleh lebih 1,243 peserta lelaki dari 20 buah pasukan mewakili pelbagai agensi dari jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan, mukim-mukim dan kampung-kampung, sekolah-sekolah serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid di daerah itu.

Sementara itu seramai 2,296 peserta terdiri daripada 35 pasukan menyertai Majlis Perhimpunan dan Perarakan

Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bagi peringkat Daerah Belait yang diadakan di Padang Bandaran, Jalan Sultan.

Pasukan yang menyertai adalah daripada ahli-ahli jawatankuasa, pasukan-pasukan beruniform, jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat swasta, sekolah-sekolah menengah dan Arab, masjid, surau, balai ibadat, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta persatuan-persatuan di daerah berkenaan.

Hadir selaku tetamu khas ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha. ■

## KEBERANGKATAN KDYMM TIDAK BERJADUAL KE KHEU

Oleh : Dahlan Chuchu



KDYMM membuat lawatan tidak berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**BERAKAS, Rabu, 11 Rabiulawal besamaan 27 September** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan keberangkatan tidak berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Lawatan dimulakan dengan sembah alu-aluan yang disembahkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah menyentuh tentang dasar-sasar penuntut yang dihantar belajar ke luar negara. Sukatan dan mata-mata pelajaran dan tenaga pengajar dan cara mengajar.

Semasa lawatan itu, baginda berkenan meninjau dengan lebih dekat beberapa jabatan dan bahagian di bawah kementerian tersebut antaranya Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal.



KDYMM membuat lawatan tidak berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Jabatan ini antara lain bermatlamat bagi memastikan pengurusan wang zakat termasuk kutipan dan pengagihannya dilaksanakan secara teratur dan efisien, selain memastikan pelaksanaan program-program dan inisiatif-inisiatif bagi memperkasa keupayaan asnaf adalah secara terancang dan berkesan.

Di samping itu, ia turut bermatlamat memastikan keberkesanan pengurusan dan inisiatif-inisiatif mengembang majukan harta-harta wakaf dan baitulmal bagi menjaga kemaslahatan golongan-golongan sasaran, meningkatkan sosioekonomi umat Islam dan menyumbang kepada memperkukuh fiskal negara.

Sebelum mengakhiri lawatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berangkat melawat ke Jabatan Majlis Ugama Islam, di Bangunan Baharu KHEU.

KHEU berperanan sebagai peneraju perkhidmatan ugama dan bertanggungjawab dalam semua hal yang berkaitan dengan agama Islam, di samping berperanan merancang, melaksana, menilai program dan aktiviti demi kepentingan agama Islam di negara ini dengan visi, bersama ke arah kehidupan cemerlang duniawi dan ukhrawi. ■

## PERHIMPUNAN MALAM MUNAJAT KE-105

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



PARA jemputan khas yang hadir di Majlis Malam Munajat yang ke-105 di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Rabiulawal besamaan 30 September** - Majlis Perhimpunan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi kali ke-105 dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Pertahanan diadakan dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Majlis Munajat kali ini adalah secara fizikal dengan kehadiran Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof; serta Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Hadir sama, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para pegawai kanan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

Penyertaan daripada Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah daripada 86 buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara juga menyemarakkan lagi Majlis Perhimpunan Malam Munajat.

Di samping menghadiri secara fizikal, orang ramai juga mengikuti secara maya dengan melayari pautan 'http://tiny.cc/munajatkheu' atau Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Majlis Perhimpunan Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Diikuti dengan Doa Kanz Al-'Arsy dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Seterusnya bacaan Doa Munajat oleh Penolong Mufti (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan, JPM, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof.

Majlis turut diserikan lagi dengan Tazkirah mengenai 'Doa Kanz Al-'Arsy' yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah PDI, KHEU, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Antara inti pati tazkirah tersebut menghuraikan makna Kanz Al-'Arsy sebagai dua patah perkataan iaitu 'kanzun' dan 'Al-'Arsy'. Kanz bermakna Harta Simpanan atau Perbendaharaan. Manakala 'Al-'Arsy' atau 'Arasy' bermakna takhta atau singgahsana.

Apabila digabungkan dua patah perkataan tersebut jelas beliau, bermaksud Perbendaharaan Takhta atau Perbendaharaan Singgahsana atau

Harta Takhta atau Harta Singgahsana. Dari sahabat Abu Hurairah 'Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda "Sesungguhnya di dalam syurga itu ada 100 darjat yang Allah Subhanahu wa Ta'ala janjikkannya kepada para pejuang pada jalan Allah. Setiap satu darjat itu jaraknya seluas antara langit dan bumi.

"Maka apabila kamu meminta syurga dari Allah Subhanahu wa Ta'ala mintalah syurga Firdaus maka sesungguhnya syurga Firdaus itu ialah syurga yang paling afdal (utama) dan syurga yang paling tinggi. Di atasnya terdapat 'Arasy Allah dan daripadanya terbit air segala sungai-sungai syurga".

Dalam sama-sama mendapat rahmat dan keberkatan bersempena memperingati Hari Kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam, Dikir Asyraqal Badru 'Alaina dilancarkan oleh para pegawai dan tenaga pengajar Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

Bagi memberkati Majlis Perhimpunan Malam Munajat, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pengarah Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT), Kementerian Pertahanan, Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim. ■

## PERHIMPUNAN MUALLAF SENEGARA

Oleh : Azizah Hidup



TETAMU kehormat dan para jemputan dibawa melawat barang-barang pameran di majlis tersebut.

**TEMBURONG, Jumaat, 13 Rabiulawal bersamaan 29 September** - Majlis Perhimpunan Muallaf Senegara yang diungkayahkan oleh Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Temburong dan Syarikat An-Naafi' melibatkan seramai 321 muallaf dari keempat-empat daerah bertempat di Dewan Utama Belalong, Mukim Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah, Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dipimpin oleh Biro Keagamaan Persatuan PESAT, Temburong, Awang Muhaimin bin Zulkifli disusuli dengan ucapan aluan daripada Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Majlis.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga merasmikan Pelancaran Tayangan Video Maritah Belajar Sembahyang (Panduan Muallaf).

Majlis pada hari tersebut turut diserikan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Profesor Dr. Ustaz Haji Abdul Somad.

Dalam ceramahnya Profesor Dr. Ustaz Haji Abdul Somad berkata muallaf bukanlah kata yang menghina orang dan bukan juga menjatuhkan martabat orang kerana muallaf adalah satu kemuliaan. Muallaf mungkin selama ini ia jauh, maka ia didekatkan lagi kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Menurutnya, muallaf juga bermakna yang dilembutkan hatinya, maka dengan cara melembutkan hatinya dengan kata-kata yang baik.

"Muallaf bukan penghinaan. Muallaf bukan kerendahan. Muallaf adalah penghormatan. Orang yang dipilih oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk menjadi umat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*," ujarnya.

Tambahnya lagi, ketika orang sudah masuk Islam maka ia tidak diputuskan hubungan dengan ibu dan ayah serta saudaranya.

Dalam Ceramah Khasnya juga menyentuh bagaimana kalau berjumpa dengan orang yang tidak seagama, Profesor Dr. Ustaz Haji Abdul Somad menjelaskan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang bermaksud, kalau mereka tidak memerangi kamu, mereka tidak menghalau kamu dari kampung halaman kamu, maka balaslah mereka dengan dua perkara iaitu berbuat baik dan bersikap adil kepada mereka.

Majlis tersebut diadakan antara lain adalah untuk para muallaf mengetahui sirah Nabawiyah dan asas-asas metodologi da'wah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* di samping mengongsikan pengetahuan agama Islam kepada keluarga dan saudaramara yang belum memeluk agama Islam.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan mendalami dan menghayati ilmu agama selain mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan muallaf dari keempat-empat daerah. ■



PROFESOR Dr. Ustaz Haji Abdul Somad ketika memberikan ceramah.

## DIKIR MAULUD BERGEMA SELURUH NEGARA

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil

**KIARONG, Sabtu, 1 Rabiulawal bersamaan 16 September** - Bersempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara akan terus bergema dengan Dikir Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* selama 12 malam berturut-turut.

Majlis tersebut merupakan salah satu syiar dan acara hari-hari kebesaran Islam yang disambut oleh umat Islam di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pembukaan Dikir Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* selama 12 malam berturut-turut diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong yang sekali gus menandakan bermulanya pembukaan Dikir Syarafil Anam di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi tahun 1445H/2023M.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.



TETAMU Kehormat Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan para jemputan yang hadir di majlis berkenaan.

Acara dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Selepas itu diikuti dengan tazkirah bertajuk 'Rasulullah Sebagai Uswatun Hassanah' disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Yussof bin Haji Majid.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Assalamualaika yang dibawakan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Pasukan Dikir Kampung Kiarong.

Ini diikuti Dikir Khairuman Udana Laila dibawakan oleh Pasukan Dikir Kampung Subok dan Pasukan Dikir

Kampung Belimbing dan seterusnya Dikir Bishahrin Badar dibawakan oleh Pasukan Dikir Kampung Rimba dan Pasukan Dikir Zaidana.

Kemudian disusuli dengan Dikir Al-Hamd Sidiq dibawakan oleh Pasukan Dikir Kampung Bengkurong dan Pasukan Dikir Warga Emas dan kemudiannya, Dikir Badat Kopi dibawakan oleh Pasukan Dikir PERANGKAP (Kampung Burung Pingai).

Acara dikir diteruskan lagi dengan Dikir Asyaraqal dibawakan oleh Pedikir Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

Doa Dikir dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah.

Sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Majlis juga adalah sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dikalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid dan penduduk kampung. ■



MAJLIS diserikan lagi dengan Dikir Maulud.

## DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI GURU KE-33

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



HADIR pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Menteri Pendidikan, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap serta ketua-ketua Jabatan dan bahagian serta para pegawai kanan dari kedua-dua Kementerian.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Rabiulawal bersamaan 21 September** – Bersempena dengan Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam yang disambut setiap 23 September dan tahun ini adalah kali Ke-33 Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad; Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin dan Timbalan

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Juga hadir, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh serta ketua-ketua Jabatan dan bahagian serta para pegawai kanan dari kedua-dua Kementerian berkenaan.

Majlis petang itu dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi menghindari wabak dan memohon keselamatan NBD yang diimamkan oleh Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Awang Haji Hamdini bin Haji Garif.

Kemudian diikuti dengan bacaan Ratib al-Attas oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Sementara Doa Kesyukuran dan Doa Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Penguasa masjid tersebut, Awang Zulkifli bin Haji

Murat. Majlis juga diselajurkan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah diimamkan oleh Awang Haji Hamdini bin Haji Garif.

Juga hadir, pegawai-pegawai dan kakitangan termasuk guru-guru dari sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi-institusi pengajian tinggi dan teknikal di bawah Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Majlis Doa Kesyukuran berkenaan merupakan sebahagian daripada acara keagamaan bersempena dengan Sambutan Hari Guru NBD yang dikendalikan oleh KHEU dan Kementerian Pendidikan. Tema bagi Sambutan Hari Guru pada tahun ini ialah 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'. ■



## PENYAMPAIAN PENGHARGAAN KEPADA WAKIL QARI NEGARA

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



MENTERI Hal Ehwal Ugama, menyampaikan hadiah galakan kepada Haji Awang Zul-Hafiz bin Awang Tengah.



MENTERI Hal Ehwal Ugama menyampaikan sijil kepada salah seorang pembimbing.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Safar bersamaan 14 September** - Peserta qari negara, Haji Awang Zul-Hafiz bin Awang Tengah yang buat kali pertama mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) telah meraih tempat ketiga pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Ke-63 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Justeru, Majlis Penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an bagi wakil NBD telah diadakan bertempat di Rizqun International Hotel, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang

Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan seterusnya menyampaikan hadiah galakan berupa wang tunai berjumlah BND4,000.

Terdahulu, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dalam alu-aluannya antara lain menyatakan bahawa majlis tersebut adalah bagi memberikan penghargaan kepada qari negara yang telah mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa iaitu pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Ke-63 di Kuala Lumpur, Malaysia Tahun 1445H/2023M.

Selain itu, katanya, ia juga sebagai

dorongan kepada qari dan qariah yang lain serta para belia yang berminat dan berpotensi dalam pembacaan al-Qur'an secara bertarannum untuk meningkatkan lagi usaha dalam memperkembangkan kemahiran di dalam bidang itu.

Awang Haji Mohammad Rosli menjelaskan, sebagai usaha KHEU dalam mempertingkatkan mutu bacaan wakil negara tersebut, pihak Kementerian melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam telah menganjurkan Kursus Intensif Membaca Al-Qur'an mulai 20 Mei sehingga 2 Ogos 2023 di bawah bimbingan dua tenaga pakar iaitu Dato Paduka Haji Mohd. Yussop bin Bakar, pembimbing khusus dalam bidang suara dan lagu dan Awang Haji Abdul Hafeiz bin Haji Nuh Al-Hafiz pembimbing khusus dalam bidang tajwid dan fasahah.

Di samping kursus yang disebutkan itu tadi, ujarnya, terdahulu pihak KHEU juga telah mengadakan Bengkel Tarannum Al-Qur'an khusus bagi peserta Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444H/2023M yang dipimpin oleh tenaga pakar daripada Malaysia iaitu Che' Yahaya bin Daud yang diadakan pada 29 Mei hingga 3 Jun 2023 di KHEU.

Majlis juga diserikan dengan persembahan bacaan ayat al-Qur'an daripada Haji Awang Zul-Hafiz bin Awang Tengah.

Bagi memohon berkat dan rahmat pada majlis yang berkebahjikan itu, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Sungai Hanching, Awang Abd. Malik bin Haji Jumat ■

## MUNAJAT KHAS UNTUK WANITA: HAYATI, FAHAMI AYAT SUCI AL-QUR'AN

Oleh : Mohamad Zeliha Ahad



MALAM Munajat Wanita

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 Rabiulawal bersamaan 10 September** - Tadabbur pada Malam Munajat kali ini mengupas intipati surah Ar-Rahman iaitu anugerah pelbagai nikmat datangnya dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Ni'mat dunia adalah rahmat dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada semua makhluk, bukan hanya kepada manusia sahaja, malah juga kepada jin.

Semua ni'mat di dunia akan hancur pada hari akhirat. Ni'mat akhirat hanya bagi orang-orang yang bertakwa iaitu syurga. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengucapkan rasa syukur dan puji-pujian kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atas kurniaan ni'mat yang sangat banyak kepada semua makhluknya.

Demikianlah antara huraian dan pengajaran ayat daripada Tadabbur Al-Qur'an, surah ar-Rahman yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan

Sharif Ali (UNISSA), Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Sarinah binti Haji Yahya.

Acara Munajat, Khas untuk Wanita pada malam tersebut mengundang Tetamu Khas, Naib Ra'ies II Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad, yang juga memimpin bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dari Surau UNISSA.

Mengimarahkan lagi acara Munajat ialah ahli-ahli Persatuan Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam; muslimah Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD); serta muslimah dan jemaah daripada beberapa buah masjid dan balai ibadat di seluruh Negara.

Juga menyertai, warga kerja wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Jabatan-Jabatan serta bahagian-bahagian di bawahnya.

Ikut sama menyerikan acara Munajat ialah Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Selesai bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan surah ar-Rahman beramai-ramai dipimpin oleh Dayang Nurhuwaina binti Mamud, Jawatankuasa Eksekutif, Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam dari Surau UNISSA.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pemangku Pengarah Unit Perundangan Islam, Dayang Mahani binti Awang Haji Suhaili, dari Surau KHEU. Disusuli dengan Selawat Tafrijiyah dipimpin oleh muslimah dari Masjid Universiti, UBD.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayangku Nurfatin Hazmaliana binti Pengiran Hashim. ■

## MAJLIS PENUTUP KURSUS KEPIMPINAN BELIA ISLAM MABIMS

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



SALAH seorang peserta belia Islam MABIMS menerima sijil daripada tetamu kehormat majlis.

**GADONG, Khamis, 5 Rabiulawal bersamaan 21 September** - Seramai 26 peserta yang menyertai Kursus Kepimpinan Belia Islam MABIMS menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Kepimpinan Belia Islam MABIMS, berlangsung di The Rizqun International Hotel.

Para peserta terdiri daripada 15 peserta dari Negara Brunei Darussalam (NBD), empat orang dari Republik Indonesia, empat orang dari Malaysia dan tiga orang dari Republik Singapura.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan

penyampaian sijil kepada para peserta kursus ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, selaku Ketua Mesyuarat Pegawai Kanan (Senior Officials Meeting-SOM) MABIMS NBD.

Majlis yang diungkuhkan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU itu juga dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari KHEU dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Majlis Belia Brunei.

Kursus Kepimpinan Belia Islam MABIMS merupakan salah satu

daripada Program Fokus Strategik Potensi Belia di bawah Rancangan Strategik MABIMS 2021-2025.

Antara objektif kursus tersebut adalah untuk melahirkan belia Islam yang berpotensi, berpengetahuan dan berpendidikan agama Islam; dan paling penting untuk melahirkan belia Islam yang mempunyai sahsiah yang syumul.

Kursus juga bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai kepimpinan Islam dalam diri belia MABIMS; membina kerjasama sepadan; serta mengembangkan kemampuan belia dalam memimpin, memotivasi dan memperteguh silaturahmi antara pemimpin belia MABIMS.

Kursus Kepimpinan Belia Islam MABIMS selama empat hari itu bermula dari 18 September dan berakhir pada 21 September, yang dikendalikan secara kerjasama dengan pelbagai agensi yang diterajui oleh Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU selaku Sekretariat MABIMS NBD.

Agensi-agensi yang terlibat termasuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Majlis Belia Brunei, Program Keagamaan Belia dan para Volunteer & First Aid Support Team (V-Fast). ■



PARA peserta belia Islam MABIMS bergambar ramai dengan tetamu kehormat majlis.

## KEBAJIKAN MUALLAF TERUS DIBERI PERHATIAN

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima.

**TUTONG, Rabu, 20 Safar bersamaan 6 September** – Empat orang muallaf menerima bantuan dalam acara penyerahan bantuan kebajikan kepada saudara-saudara yang memerlukan di kawasan pedalaman Daerah Tutong diungkapkan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dan Unit Da'wah Daerah Tutong.

Empat orang penerima bantuan kebajikan tersebut ialah Awang Muhammad Amlee bin Abdullah, dan Awang Muhammad Jofri bin Abdullah, keduanya menerima bantuan enjin penjana elektrik. Manakala Awang Haji Muhammad Zariman bin Abdullah Tong menerima bantuan tangki air. Sementara Dayang Roszainah Atiqah binti Abdul Rahman @ Pangan menerima bantuan bahan binaan. Semua bantuan diserahkan di kediaman masing-masing.

Ikut serta selaku ketua rombongan dan seterusnya menyempurnakan penyerahan tersebut ialah Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh,

Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Bantuan berkenaan bertujuan untuk membantu mempertingkatkan mutu kehidupan dan kesejahteraan hidup para muallaf yang merupakan salah satu metod dakwah dan pemedulian PDI kepada saudara-saudara baharu di negara ini.

Di samping itu, untuk memeduli dan memantau daripada aspek perkembangan kehidupan serta kebajikan asnaf fakir miskin khususnya dalam kalangan muallaf seperti

keperluan asasi atau bantuan-bantuan yang lain supaya para muallaf akan dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna.

Turut hadir ialah Pemangku Pegawai Ugama Kanan PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong; Pemangku Penghulu Mukim Rambai, Awang Mohammad Dahlan bin Kaslan; Pemangku Ketua Kampung Merimbun/Kuala Ungar, Awang Sani bin Nangkat; dan Ketua Kampung Long Mayan/Kampung Bukit, Awang Muhd Eddy Suffian bin Abdullah. ■



AWANG Haji Muhammad Zariman bin Abdullah Tong menerima bantuan tangki air.

## MENYEBARLUASKAN DA'WAH ISLAM KEPADA PARA MUALLAF

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



TETAMU Khas dan para jemputan yang hadir di Majlis Perhimpunan Muallaf Senegara bagi sebelah petang.

**TEMBURONG, Jumaat, 13 Rabiulawal bersamaan 29 September** - Majlis Perhimpunan Muallaf Senegara diharap akan dapat menyebarkan da'wah Islam kepada para muallaf serta 'non-muslims' dan juga sebagai platform meningkatkan motivasi dan menarik minat para muallaf untuk menghadiri majlis ilmu serta memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk berkongsi sama dan bertukar pengalaman.

Pada sesi sebelah petang, Majlis Perhimpunan Muallaf Senegara dihadiri oleh tetamu khas iaitu Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, yang juga Pemangku Penghulu Zon I, Daerah Temburong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dipimpin oleh Pegawai Perkembangan Ugama (i-Ready), Awang Ahmad Naufal Azizi bin Mohammad Norisham.

Sesi ini diisikan dengan penyampaian taklimat mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 oleh Pemangku Ketua Pendakwa Syar'ie

dari Bahagian Pendakwaan Syar'ie, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Hadiyati binti Haji Abdul Hadi.

Dalam taklimatnya, Dayang Hajah Hadiyati antara lain menerangkan mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah yang merangkumi penghayatan lima prinsip Maqashid Syari'ah iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta.

Antara kesalahan di bawah perintah berkenaan termasuk mengisytiharkan diri sebagai tuhan, mengisytiharkan diri sebagai rasul atau nabi, menghina nabi, menghina ayat al-Qur'an atau Hadits; menafikan perkara yang wajib dengan Ijma' serta mengisytiharkan diri sebagai bukan Islam.

Sementara itu, kesalahan lain berkaitan aqidah termasuk dakwaan palsu, ajaran atau amalan bertentangan dengan hukuman syara'; mengembangkan agama selain agama Islam; memujuk orang Islam supaya mengubah agama; penerbitan yang bertentangan dengan hukuman

syara' dan juga pemujaan.

Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan lagu da'wah dan selawat oleh Awang Abdus Salam bin Haji Ali.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada fasilitator jemputan dan kemudiannya menyaksikan pameran dan jualan.

Acara yang diungkapkan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Temburong dan Syarikat An-Naafi' itu diadakan di Dewan Utama Belalong, Mukim Bangar, Daerah Temburong. ■



DAYANG Hajah Hadiyati binti Haji Abdul Hadi semasa menyampaikan taklimat mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013.



بَلِ اتَّبَعَ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَهْوَاءَهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَمَنْ يَهْدِي مَنْ أَضَلَّ اللَّهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ ﴿٢٩﴾

**Mafhumnya:**

Bahkan orang-orang yang zalim itu menurut hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan ilmu pengetahuan. Maka siapakah yang dapat memberi petunjuk kepada orang yang telah dibiarkan sesat oleh Allah (disebabkan keingkarannya)? Dan mereka tidak akan beroleh penolong-penolong (melepaskan mereka daripada azab)

Surah ar-Ruum ayat 29

Majlis Pengislaman  
**SEPTEMBER 2023**



**STATISTIK PENGISLAMAN**

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023

Bagi Bulan  
**SEPTEMBER**


**21**  
Orang

Jumlah Keseluruhan  
**JAN-SEP 2023**  
**294** Orang



# Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.  
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

**| Features |**



Sharifah Khadijah Hussein Alkaff

Muslimah's husband already has a good job and does not need her financial contribution:

- income for the family/financial independence.
- mental/intellectual stimulation.
- insight into the working world.
- confidence, self-worth, sense of accomplishment.
- respect of family & society at large.

**SOME GUIDELINES**

In view of the fact that some important things are lost while others are put at risk when a wife and mother goes to work, it is crucial that Muslim women observe a guideline to ensure that the religion is not compromised and to minimise the negative impact on ourselves and on our families. Below are some suggestions and recommendations for a working Muslim woman to consider:

- Set the correct niyyah for going out to work and proclaim it daily.
- Check and ensure that husband's/guardian's consent is obtained.
- Ensure that the home and the children are properly cared for, preferably by family members but if maid(s) are employed check that they are trustworthy and God-fearing. (In Islamic law, women have a right to such household assistance.)
- Ensure that the job is Syari'ah compliant and does not prevent the Muslimah from fulfilling any of her Islamic obligations or lead her to transgress the limits of Islam.
- Maintain inward and outward modesty and chastity.
- Think of how Muslim sisters can be more united and help each other by mentoring and giving advice and support. We should "Want for our sister what we want for ourselves."
- Choose a career that matches our feminine qualities, one that is less competitive and stressful. Women who work in predominately masculine jobs may lose their femininity and they also interact more with men, increasing chances of temptations arising.
- Choose jobs that offer more flexibility in terms of scheduling and hours. Teaching is a good example since the mother's schedule is often the same as the children's. Part-time work is also preferable to full-time work, if this is possible.
- Spend quality time with husband and children.
- In the absence of a family helper or maid, arrange for housecleaning so that what little time the working mother has can be for family bonding and sharing.

**WHAT'S TO LOSE?**

Quite a lot actually. In brief:

- Time with husband, children, family and friends resulting in less bonding, intimacy and even love.
- Delicate sensitivity and femininity (especially those in rugged jobs).
- Love, interest and skills for cooking and housework.
- Ability to personally run and organise the home our way.

Striking a balance between the duties of work and the family is difficult and has been a common reason for the breakdown of families - a serious phenomenon in our Islamic community.


**WHAT'S TO GAIN?**

Some of the benefits listed below are debatable, especially if the

## Biodata Ringkas

Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam

<b>Nama</b> Muhammad bin Abdullah	<b>Tarikh &amp; Tempat Wafat</b> 12 Rabiulawal 11 Hijrah di Madinah Al-Munawwarah
<b>Tarikh Lahir</b> 12 Rabiulawal Tahun Gajah	<b>Umur Wafat</b> 63 Tahun
<b>Tempat Lahir</b> Rumah Abu Thalib, Makkah Al-Mukarramah	<b>Ibu Susuan Pertama</b> Tsuwaibah al-Aslamiyah
<b>Nama Bapa</b> Abdullah bin Abdul Muthalib	<b>Ibu Susuan Kedua</b> Halimatus Sa'diyah
<b>Nama Ibu</b> Aminah binti Wahab	<b>Antara Mukjizat</b> Al-Qur'an Al-Karim, Terbelah Bulan, Isra' Mi'raj, Terpelihara Daripada Cubaan Bunuh



**أَسْمَاءُ الْأَبْنَاءِ**  
**NAMA ANAK LAKI-LAKI**

**Hasan Asyhar**  
حسن أشهر  
*Yang baik, yang masyhur*

**Qahiruddin**  
قاهر الدين  
*Yang menang dalam agama (Islam)*

**Waiz Jazli**  
واعظ جزلي  
*Penasihat, kemurahan hatiku*

**NAMA-NAMA ISLAMI**  
*untuk anak damit*

Hadits diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab shahihnya, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:  
"Berilah nama dengan namaku, dan jangan beri gelaran dengan gelaranku (Abul Qasim) kerana sesungguhnya aku diutus sebagai pembahagi yang membagi-bagikan (ajaran) di antara kamu."

**أَسْمَاءُ الْبَنَاتِ**  
**NAMA ANAK BINI-BINI**

**Basysyasyah hamra**  
بشاشة حمراء  
*Muka yang ceria kemerahan*

**Nur Qasimah**  
نور قسيمة  
*Cahaya yang cantik*

**Hana Maisarah**  
هنا ميسرة  
*Kegembiraan, kesenangan/kekayaan*

**PETIKAN TITAH**  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN  
WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN  
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN  
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM

**SEMPENA**  
MAJLIS HAFLUT TAKHARRUJ KE-13  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
1445H/2023M

**MENITIKBERATKAN ISU SOSIAL MASYARAKAT**

“ Dalam Islam, pembangunan sosial masyarakat adalah menjadi tanggungjawab setiap individu dan lambang keutuhan iman. Ini jelas apabila Baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam menitikberatkan isu sosial sehingga Baginda menafikan kesempurnaan iman bagi sesiapa yang tidur kekenyangan sedang dia mengetahui jiran tetangganya tidur dalam kelaparan. ”

**| Program Keugamaan Belia |**

**GRADUAN AKADEMI DA'WAH 4.0 DIRAIKAN**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Safar bersamaan 16 September.** - Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) buat julung kalinya menganjurkan Ma'radh Al-Hadaya: Majlis Malam Apresiasi Akademi Da'wah 4.0 bertempat di Airport Mall, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd. Salleh. Majlis turut dihadiri oleh para pegawai kanan, pegawai dan kakitangan PDI, ahli jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie, para sukarelawan dan Graduan Akademi Da'wah 4.0.

Majlis ini merupakan kesinambungan bagi Majlis Konvokesyen Akademi Da'wah 4.0 yang telah diadakan pada 20 Ogos 2023 lalu dan juga sebagai sebuah penghargaan khasnya kepada semua Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Program Akademi Da'wah 4.0 dari awal hingga ke penghujungnya.

Majlis diisikan dengan penyerahan hadiah Pencapaian *Standard* kepada Graduan Akademi Da'wah 4.0 dan kemudiannya penyerahan hadiah dan sijil penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie dan kepada para sukarelawan.

Beberapa anugerah khas juga telah disampaikan di majlis tersebut antaranya, Penghargaan Khas kepada Ketua dan Penolong Urus Setia Akademi Da'wah 4.0, Anugerah Khas Ahli Jawatankuasa 'Berkerti', Anugerah Khas Ahli Jawatankuasa 'Bersinar' dan Anugerah Khas Ahli Jawatankuasa 'Berinteraktif'.

Penghargaan itu bertujuan bagi menghargai komitmen dan kerjasama Ahli Jawatankuasa yang padu di samping menyuntik lagi semangat mereka agar terus proaktif dan berdedikasi. Majlis juga diserikan dengan sesi bergambar ramai dan majlis diakhiri dengan menyaksikan tayangan video-video yang telah dihasilkan oleh Graduan Akademi Da'wah 4.0 sepanjang mereka terlibat di dalam program berkenaan. ■



**GRADUAN** Akademi Da'wah 4.0 bergambar ramai dengan tetamu kehormat majlis dan ahli jawatankuasa majlis.

## KELUARGA BAHAGIA ASAS PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh : *Suriati Haji Ali Hussin*



**TITAH Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam bagi Tahun 1445H/2023M.**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Rabiulawal bersamaan 27 September** - Meskipun Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam sudah tiada, namun Baginda meninggalkan pesan-pesan untuk dihayati dan ditaati. Jika semua ini dilakukan, pasti akan mengundang keberkahan, bukan sahaja untuk diri sendiri malahan juga untuk keluarga, masyarakat dan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian dalam Titah Perutusan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam bagi Tahun 1445H/2023M.

Bercakap mengenai keluarga, titah baginda, bermakna kita merujuk kepada satu kelompok penting dalam masyarakat dan sesungguhnya keluarga bahagia menjadi asas dan matlamat pembangunan negara.

"Manakala keluarga bahagia, itulah

jaminan untuk mendapatkan warisan insan yang berkualiti lagi beriman," titah baginda.

Kerana itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, memastikan setiap institusi keluarga berkeadaan sempurna lagi bahagia adalah tanggungjawab semua. Walaupun ramai yang berpuas hati menganggap keluarga masing-masing adalah baik-baik sahaja, titah baginda, namun kita juga masih patut bimbang kerana masih berlaku permasalahan rumah tangga di dalam masyarakat kita di negara ini.

"Beta difahamkan statistik jumlah aduan rumah tangga secara keseluruhan yang dilaporkan ke Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tiga tahun kebelakangan ini (antara tahun 2020 hingga 2022) adalah berjumlah 1,952 kes. Manakala jumlah aduan yang diterima antara bulan Januari hingga bulan Jun tahun ini sahaja berjumlah 384 kes," titah baginda.

KDYMM dalam titahnya berpendapat,

jumlah kes aduan yang semakin meningkat ini tidak boleh dipandang ringan, melainkan memerlukan usaha mengatasinya.

Maka ke arah itu, baginda mengambil maklum, pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama telah melaksanakan pelbagai kaedah dan pendekatan bagi menangani perkara ini dengan mengadakan perkhidmatan Kursus Pra-Nikah bagi pasangan yang akan bernikah, Seminar Kekeluargaan dan Kursus Pasca Perkahwinan bagi pasangan yang sudah bernikah yang dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi berkepentingan.

Bukan itu sahaja, titah baginda, bermula tahun 2014, taklimat berkaitan kekeluargaan sudah dilaksanakan kepada institusi-institusi pengajian kerajaan dan swasta. Namun, sehingga kini aduan isu permasalahan rumah tangga masih saja terus meningkat pada setiap tahun.

"Beta berpandangan, pihak-pihak yang berkenaan perlulah lebih proaktif mengambil inisiatif menangani isu-isu permasalahan rumah tangga, dengan menanam kesedaran awal akan akibat yang sangat buruk jika ianya tidak ditangani segera.

"Ia boleh menjejaskan bukan sahaja keharmonian keluarga, malah juga boleh menjejaskan kesejahteraan negara," tegas baginda.

Dalam titah baginda, para ibu bapa mesti terus memainkan peranan mengasuh dan mendidik anak-anak, termasuk ke atas mereka yang akan dan sudah mendirikan rumah tangga, masih sahaja perlu ditegur atau diingatkan bagaimana menjaga atau memelihara keutuhan keluarga yang dibina. ■